

Impak perubahan harga minyak



Oleh PROF. MADYA.
DR. MOHD YUSOF SAARI

TREND pergerakan harga minyak mentah dunia yang menurun sejak kebelakangan ini kembali menjadi perbincangan hangat dalam kalangan ahli politik, penganalisis dan pihak kerajaan.

Sebagai rekod, pada bulan ini, harga minyak telah menurun daripada AS\$60.57 (RM252.71) setong pada 3 Disember kepada AS\$53.93 (RM225.01) setong pada 20 Disember lalu.

Ini bukanlah kali pertama Malaysia turut menghadapi penurunan harga minyak mentah dunia.

Pada tahun 2015 dan 2016, harga minyak mentah masing-masing berada pada paras AS\$49.49 (RM206.48) dan AS\$40.68 (RM169.73) setong berbanding AS\$96.29 (RM401.74) setong pada tahun 2014.

Terdahulu, kejatuhan harga minyak mentah dunia mendorong pelbagai pihak menilai tahap kebergantungan sebenar ekonomi Malaysia kepada sektor petroleum dan gas asli.

Kebanyakan penganalisis berpandangan bahawa kejatuhan harga minyak mentah dunia tidak memberi kesan yang ketara kerana ekonomi negara tidak lagi bergantung kukuh kepada sektor petroleum dan gas asli hasil daripada transformasi ekonomi ke arah kepelbagaian aktiviti ekonomi.

Jika benar ekonomi Malaysia telah mencapai tahap kepelbagaian ekonomi, maka kejatuhan harga minyak mentah dunia sepatutnya tidak menjadi kebimbangan umum.

Bagaimanapun, realiti sebenar menunjukkan keadaan sebaliknya. Mari kita lihat respons pihak kerajaan dan isi rumah sebagai contoh.

Pada perspektif kerajaan, Belanjawan 2019 akan disemak semula jika harga minyak



PENGGUNA mengharapkan harga runcit bahan api di stesen-stesen minyak akan menjadi lebih murah. – Gambar hiasan

mentah susut kurang daripada AS\$50 (RM208.61) setong. Tindakan ini wajar kerana corak perbelanjaan dan kutipan hasil kerajaan yang diunjur pada Belanjawan 2019 adalah bersandarkan harga AS\$70 (RM292.06) setong.

Bagi perspektif isi rumah pula, mereka mengharapkan harga runcit bahan api di stesen minyak akan menjadi lebih murah seiring dengan penurunan harga minyak mentah dunia.

Oleh itu, kerajaan akan kembali menetapkan harga jualan runcit bahan api di stesen minyak secara mingguan dan mulai 1 Januari 2019 isi rumah dijangka menikmati harga yang lebih rendah berbanding harga sekarang.

Hasil cukai

Kadar kebergantungan isi rumah kepada bahan api adalah tinggi dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Kebanyakan isi rumah masih bergantung kepada kenderaan persendirian akibat daripada kemudahan dan jaringan pengangkutan awam yang lemah.

Selain itu, perancangan perbandaran, industri dan perumahan yang tidak bersepadu turut menyumbang kepada corak penggunaan bahan api oleh isi rumah.

Pergerakan harga minyak mentah dunia memberi implikasi besar kepada kerajaan dan isi rumah.

Jika harga menyusut, kerajaan akan kehilangan hasil cukai dan isi rumah menikmati harga runcit bahan api lebih murah.

Sebaliknya jika harga meningkat, kerajaan akan menggandakan hasil cukai dan isi rumah menanggung beban perbelanjaan ke atas bahan api tersebut.

Keadaan menang-menang bagi kerajaan dan isi rumah perlu diusahakan. Bagaimana? Ia dapat dilakukan dengan kerajaan perlu menggerakkan dan memperkasa usaha-usaha ke arah mempelbagaikan aktiviti ekonomi.

Bagaimanapun, hujah tahap kepelbagaian ekonomi yang dicanangkan oleh kebanyakan penganalisis sebelum ini tidak berdasarkan kepada analisis yang tepat.

Penulis berpandangan, terdapat dua sektor yang boleh diberi tumpuan ke arah mempelbagaikan aktiviti ekonomi iaitu sektor perkhidmatan swasta dan pertanian.

Kepelbagaian aktiviti ekonomi bukan sahaja akan menyumbang hasil tambahan kepada kerajaan malah akan meningkatkan pendapatan isi rumah dan peluang pekerjaan.

PENULIS merupakan pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan Ketua Laboratori Kaedah Kuantitatif Analisis Dasar, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia. Email: mysaari@gmail.com